

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan rancangan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara terutamanya pada tahun 2021, dan nyatakan jumlah kekurangan pendapatan negara akibat COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah bertindak proaktif dengan melaksanakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi bernilai RM305 bilion bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dalam menangani krisis COVID-19, meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, membantu perniagaan dan memulihkan semula ekonomi negara.
2. Dalam menangani wabak COVID-19 dan memulihkan semula ekonomi Negara Kerajaan menggunakan pendekatan strategi 6R iaitu:
 - a. Pertama, **Ketegasan atau Resolve** dalam mengawal Covid-19 dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
 - b. Kedua, **Ketahanan atau Resilient** melalui pakej Rangsangan ekonomi PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan, kemampuan rakyat dan ekonomi;

- c. Ketiga, **Memulakan semula atau *Restart*** ekonomi secara teratur dan terkawal dengan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan;
- d. Keempat, **Pemulihan atau *Recovery*** ekonomi dengan memperkenalkan pakej ransangan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA);
- e. Kelima, **Memperkasa atau *Revitalize*** ekonomi secara menyeluruh melalui Belanjawan 2021; dan
- f. Keenam, **Menyusun semula atau *Reform*** struktur ekonomi untuk kita melangkah ke era kebiasaan baharu menerusi penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025 atau RMKe-12.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Fasa ke-5 dan ke-6 dalam strategi 6R ini akan memberi tumpuan dalam memulihkan pertumbuhan ekonomi pada 2021. Pengumuman Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020 lalu adalah strategi fasa ke-5 iaitu untuk Memperkasa (*Revitalise*) yang dirangka khusus bagi mencapai matlamat kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi. Pelbagai inisiatif dan strategi yang dirangka menunjukkan komitmen Kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi pasca krisis COVID-19. Antara inisiatif dan strategi yang diambil termasuklah:

- a. Peruntukan bagi memerangi pandemik COVID-19 dan melindungi Kesihatan awam;
- b. Memelihara kebajikan golongan rentan seperti pemberian tunai *one-off* Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi golongan B40 serta bantuan moratorium secara bersasar bagi individu dan PKS;

- c. Menjana dan mengekalkan pekerjaan dengan menyediakan insentif PenjanaKerjaya, program peningkatan kemahiran dan latihan semula dan Program Subsidi Upah Bersasar;
- d. Menjamin kesejahteraan hidup rakyat dengan menyediakan inisiatif Jalinan Digital Negara, membina dan menaik taraf infrastruktur digital, Skim Cerdik (pemberian komputer), meningkatkan pemilikan rumah serta menyediakan kemudahan pengangkutan;
- e. Memacu pelaburan dalam sektor utama, penambahbaikan persekitaran perniagaan, inisiatif sains, teknologi dan inovasi, penggalakan penghasilan dan pembelian produk buatan tempatan serta kemudahan pembiayaan kredit mikro;
- f. Memperkukuh sektor tumpuan dengan memperkasa sektor pertanian, pembangunan sektor komoditi serta kelangsungan industri pelancongan;
- g. Memperkasa peranan GLC dan masyarakat sivil; dan
- h. Menjamin kelestarian sumber.

4. Pelan pemulihan ekonomi seterusnya ialah fasa ke-6 iaitu Menyusun Semula (*Reform*) yang merupakan pelan jangka masa panjang. Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025 atau RMKe-12 yang dijadualkan semula untuk dibentangkan pada awal tahun hadapan sedang dirangka dengan mengadakan libat urus bersama semua pihak berkepentingan bagi memastikan pertumbuhan berkualiti, inklusif dan mampan. RMKe-12 bermatlamat untuk membolehkan ekonomi dipulihkan sepenuhnya serta memastikan kesejahteraan rakyat dapat ditingkatkan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama. Kesemua usaha Kerajaan ini dijangka memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara pada 2020 dan pasca COVID-19.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

5. Semasa pembentangan Belanjawan tahun lepas, Kerajaan telah mengumumkan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi 2020 sebanyak RM244.5 bilion. Namun, berdasarkan situasi semasa, anggaran hasil dijangka mengalami pengurangan berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia. Selain itu, Kerajaan turut memperuntuk pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi susulan penularan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat kepada 6% berbanding sasaran awal 3.2% daripada KDNK. Kerajaan juga akan menampung kekurangan pendapatan melalui sumber hasil *one-off* daripada dividen dan bayaran khas oleh syarikat Kerajaan, meneroka hasil cukai baharu, penjimatan subsidi minyak dan penstrukturan serta pengagihan semula perbelanjaan Kerajaan Persekutuan.

6. Bagi 2021 pula, hasil Kerajaan Persekutuan diunjur melonjak sebanyak 4.2% kepada RM236.9 bilion atau 15.1% daripada KDNK disokong oleh peningkatan pertumbuhan ekonomi dan prospek perniagaan. Peningkatan hasil sebahagian besarnya disumbangkan oleh kutipan hasil cukai yang lebih tinggi dengan anggaran peningkatan sebanyak 13.8% kepada RM174.4 bilion. Unjuran hasil tersebut akan dicapai melalui usaha Kerajaan mengukuh dan memaksimum kutipan hasil cukai dan meningkatkan keapungan cukai melalui inisiatif pembaharuan cukai.

Sekian, terima kasih.